

HARI : AHAD
TARIKH : 29/9/2019
M/SURAT : 4



Azman Hussin CEO SSM keenam

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) melantik Dr Azman Hussin sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya (CEO) yang baru bagi tempoh dua tahun, berkuat kuasa semalam.

Beliau adalah CEO SSM yang keenam sejak penubuhan suruhanjaya berkenaan pada 2002, bagi menggantikan Datuk Zahrah Abd Wahab Fenner yang bersara wajib pada 28 September lalu.

Azman yang mempunyai pengalaman dan kepakaran luas dalam bidang keusahawanan, korporat, teknologi dan strategi perniagaan, berkelulusan Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat.

Beliau juga memiliki ijazah kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM).

Azman antara lain pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah MARA, Silicon Vision Corporation dan TSI-Telsys Corporation yang disenaraikan di Bursa Saham Montreal di Kanada.

Beliau juga pernah bekerja dalam bidang strategi korporat di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom), selain mengajar dan memberi latihan dalam bidang strategi di Arab Saudi, Qatar, Kuwait, Jordan dan Malaysia.

Azman pernah menulis beberapa buku yang dipasarkan ke peringkat antarabangsa, termasuk penerbitan bertajuk *Higher Objectives of Humanity* dan *Prophet Muhammad the Hallmark of Leadership*. BERNAMA

Profil Dr Azman Hussin

Pendidikan

- » Sarjana Muda dan Sarjana dalam bidang Fizik dari Universiti Ohio, Amerika Syarikat
- » Ijazah kedoktoran dalam bidang pengurusan dari Universiti Utara Malaysia (UUM)

Kerjaya

- » Pernah menjadi Ahli Lembaga Pengarah MARA, Silicon Vision Corporation dan TSI-Telsys Corporation yang disenaraikan di Bursa Saham Montreal di Kanada
- » Pernah bekerja dalam bidang strategi korporat di Qatar Steel Company dan Ooredoo (dahulunya Qatar Telecom)